astro AWANI

# KPKT lantik 25 pakar, kaji dan bantu kerajaan laksana dasar perumahan terbaik untuk rakyat

Astro Awani
Januari 11, 2022 17:32 MYT



*KPKT melantik 25 orang Panel Berkepakaran dalam bidang perumahan bagi mengkaji akses pemilikan rumah kepada rakyat pasca pandemik COVID-19. - Foto KPKT*

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melantik 25 orang Panel Berkepakaran dalam bidang perumahan bagi mengkaji akses pemilikan rumah kepada rakyat pasca pandemik COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, pelantikan itu merupakan inisiatif strategik yang menggabungkan pelbagai pihak dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar dan program perumahan terbaik untuk rakyat.

Tambah beliau, pendekatan baharu perlu dirangka bagi melebarkan akses pemilikan kediaman khususnya kepada generasi muda, selaras dengan hasrat KPKT untuk menggalakkan generasi muda Miliki Rumah di Usia Muda.

"Setakat ini ada kawasan-kawasan tertentu sahaja dianggap kawasan yang mampu milik, jadi kita akan buat kajian. Apa guna kita buat rumah dan kita tetapkan harga, tapi hakikatnya harga itu tidak mampu (dimiliki) di situ.

"Sebab itu perumahan mampu milik ini tak boleh statik, dia kena dinamik. RM250,000 mungkin mampu di Pulau Pinang tapi tak mampu di Kinabatangan, Sarikei. Jadi, kena ada formula yang lebih baik.

"Sebab itu pemetaan, penyediaan perumahan rumah mampu milik secara lebih tersusun, teratur dan holistik wajar kita lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan Watikah Pelantikan Panel Berkepakaran KPKT di sini pada Selasa.

Antara individu yang menerima watikah tersebut ialah Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar, bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Phesal Talib dan bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Zamani Abdul Ghani.

Pengarah Ekonomi di Pejabat Perdana Menteri, Shahril Sufian Hamdan juga merupakan salah seorang panel.

Dalam pada itu, Reezal Merican menegaskan beliau mempunyai keyakinan tinggi terhadap 25 orang Panel Berkepakaran yang baru dilantik itu.

"Ini kerana saya mempunyai keterbatasan dalam mempunyai maklumat dan pengetahuan, dan saya perlu dibantu.

"Saya juga terbuka untuk mendapat penglibatan daripada semua pemegang taruh agar bila kita buat keputusan, ia keputusan dan pendekatan menyeluruh. Kita tak boleh bertindak secara terasing tapi kita perlu dalam bentuk kesepaduan," ujarnya.

Katanya lagi, panel berkenaan diwujudkan demi merealisasikan matlamat kerajaan untuk menyediakan 500,000 unit rumah mampu milik dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Hasil daripada perbincangan dan dapatan akan dibawa kepada Majlis Perumahan Negara untuk pengetahuan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kelak.